

**Sinergi Najib-Muhyiddin Pastikan Kestabilan, Pertumbuhan
Bernama
21 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin yang tidak dicabar pada penamaan calon pemilihan Umno adalah bukti keyakinan semakin kukuh terhadap mereka dalam kalangan anggota akar umbi.

Berita mereka tidak perlu bertanding itu diterima baik oleh para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) yang kebanyakannya yakin sinergi Najib-Muhyiddin akan terus membawa penunjuk positif bukan sahaja kepada BN tetapi juga negara secara keseluruhannya.

Pemangku Presiden Gerakan Datuk Chang Ko Youn berkata keputusan itu jelas menunjukkan kalangan akar umbi Umno menghargai keharmonian dan kestabilan.

"Ia merupakan keputusan bijak oleh anggota akar umbi Umno untuk memastikan kedua-dua pemimpin menang tanpa bertanding. Saya percaya ia akan memantapkan lagi kestabilan dalam parti," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai yang turut mengucapkan tahniah kepada Najib dan Muhyiddin berkata beliau berbangga kerana mereka mendapat sokongan serta keyakinan penuh anggota Umno untuk terus menerajui kepimpinan parti dan kerajaan.

"Ini dapat memastikan Umno terus stabil dan kuat dalam kepimpinan politik negara," katanya ketika dihubungi Bernama.

Tambahnya, kemenangan kedua-dua pemimpin Umno itu juga akan terus memantapkan kepimpinan BN dan memastikan kekuatannya diperkukuh.

"Kita harap pimpinan Najib dan Umno dapat mentransformasikan kerajaan dan BN," katanya.

Setiausaha Agung MCA Datuk Seri Kong Cho Ha berkata keputusan itu akan menjadi contoh baik kepada parti komponen lain dalam BN untuk diteladani, terutamanya dalam waktu yang mencabar ini.

Beliau berkata sinergi padu Najib dan Muhyiddin akan memberikan hasil positif kepada pertumbuhan negara.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayvaes berkata ia membuktikan gabungan baik dan hubungan akrab antara kedua-dua pemimpin, dan ini akan menjamin kestabilan BN di masa depan.

Sementara itu, Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Sri Peter Chin Fah Kui berkata keputusan itu juga mencerminkan hasrat parti komponen BN yang mahu melihat kesinambungan kepimpinan Umno dan juga Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Ini akan menjamin kestabilan dan keyakinan bukan sahaja dalam kalangan rakyat Malaysia tetapi juga warga asing terhadap kepimpinan negara dan hala tujunya. Ini kerana dengan

menang tanpa bertanding, ia menunjukkan kepimpinan sekarang mendapat kepercayaan dan keyakinan Umno yang merupakan tulang belakang BN," katanya ketika dihubungi.

Katanya keadaan ini akan memastikan kesinambungan dasar kepimpinan sekarang yang berfikiran terbuka dan memberikan kebebasan kepada parti komponen BN untuk menyumbang secara kolektif sebagai kerajaan.

"Sebagai contoh, SUPP dengan hanya seorang MP (anggota Parlimen), kami diberi peluang dalam kerajaan dengan pelantikan timbalan presiden kami Datuk Richard Riot Jaem sebagai Menteri Sumber Manusia," katanya.

Dengan itu, katanya kemenangan tanpa bertanding Najib dan Muhyiddin, memberikan gambaran baik kepada BN secara keseluruhannya.

Presiden LDP Datuk V.K Liew berkata keputusan itu menunjukkan kepimpinan parti yang konsisten dan keadaan itu baik untuk parti.

"Ia pada asasnya, seruan untuk semua supaya bersatu. Ia membuktikan kesepaduan dalam kalangan anggota parti untuk memastikan nombor satu dan nombor dua tidak dicabar," katanya ketika dihubungi.

Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S. Subramaniam turut berkongsi pandangan serupa dengan pemimpin parti komponen BN yang lain bahawa kemenangan Najib dan Muhyiddin akan menjadikan Umno lebih kukuh dan lebih stabil.

"Umno yang bersatu akan memberi kekuatan kepada BN dan kestabilan kepada kerajaan dan negara," kata Menteri Kesihatan itu kepada Bernama.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979544>